



## **KHIDMAT PENGHANTARAN WARONG RIDER BANTU USAHAWAN IKS DAN JANA PELUANG PEKERJAAN BSKM MELALUI DIGITAL PERAK MENYOKONG INISIATIF WARONG RIDER MENERUSI PORTAL PERAK DIGITAL**

IPOH, OKTOBER 21, 2020 – YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu menyempurnakan soft launch inisiatif khidmat penghantaran Warong Rider dalam satu sidang media hari ini yang berlangsung di Pejabat Menteri Besar Perak. Inisiatif Warong Rider menawarkan pelbagai khidmat penghantaran seperti makanan, dokumen dan bungkusan, ubat-ubatan, barangan dapur serta khidmat belian barangan 'personal shopper' yang dapat membantu usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Perak yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Selain itu, inisiatif ini juga menjana 1,200 peluang pekerjaan kepada rakyat Perak terutamanya kepada golongan asnaf, menganggur dan B40.

Gabungan Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) melaksanakan usaha ini bersama-sama dengan rakan - rakan strategik, Idea Creative Technology Sdn. Bhd.(ICTSB), iaitu sebuah syarikat solusi IT dan Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak).

Digital Perak akan membangunkan satu platform pendaftaran rider di portal Perak Digital melalui <https://digital.perak.my/> untuk memudahkan proses permohonan yang tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan.

Rider Warong Rider boleh menikmati kelebihan lain seperti StartUp Kit bernilai RM250 melalui Geran CONNECTME daripada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) dan Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia (BSKM) serta komisen penghantaran di samping menerima elaun tetap sebanyak RM1, 200 sebulan. Dalam fasa pertama, sebanyak 480 jawatan kosong rider akan ditawarkan di bawah 24 kawasan Parlimen Perak.

Hadir menyaksikan bersama, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan, Ketua Pegawai Eksekutif ICTSB merangkap Ketua Niaga Muda GPPPKMM, Tn. Hj. Mohd Nadzri Bin Kamarulzaman, Pengarah SME Corp. Negeri Perak, Pn. Maslinda Zulkifly, YDP Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Perak, Tn. Hj. Asmadi bin Teh dan Presiden GPPPKMM, YBhg. Dato' Hj. Ramli bin Hj. Norani.

